

**PERSEPSI TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BAHASA ARAB DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI NUSANTARA**

Md Noor Bin Hussin, Adnan Mat Ali, Idi Hamdi, Nor Efendy Ahmad Sokeri, Zulhazmi Anwar,
Ideris Abd Rahim, Umi Zakiah Norazman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti Sains Islam Malaysia

mdnoor@kuis.edu.my

ABSTRAK

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menghasilkan pencapaian yang cemerlang. Justeru, makalah ini bertujuan untuk melihat dan menilai persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama menengah di Nusantara. Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian tinjauan yang menggunakan teknik soal selidik yang melibatkan sejumlah responden dari beberapa buah sekolah yang terpilih di Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei. Hasil kajian mendapati sebahagian besar nilai min persepsi berada tahap yang tinggi dan sederhana.

1. PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab memerlukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menghasilkan pencapaian yang cemerlang. Kejayaan pelaksanaan proses PdP berkait rapat dengan persepsi pelajar terhadap Bahasa Arab dan kaedah PdP yang digunakan. Justeru, makalah ini bertujuan untuk melihat dan menilai persepsi pelajar terhadap kaedah PdP bahasa Arab di sekolah-sekolah agama menengah di Nusantara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei.

Institusi yang dipilih bagi mewakili setiap negara untuk mewakili populasi dalam kajian ini iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah bagi mewakili Malaysia, Institut Tahfiz Al-Quran mewakili Brunei, Darul Arafah bagi mewakili Indonesia, Maahad Alsagoff Al Arabit mewakili Singapura dan Maahad Thamwitya Mulniti bagi mewakili Thailand. Jumlah sampel yang diambil dalam dapatan kajian ini adalah seramai 709 iaitu Malaysia 39.7% (n=249), Thailand 23.9% (n=150), Indonesia 25.0% (n=157), Singapura 4.9% (n=31) dan Brunei 6.4% (n=40)

2. PERSEPSI TERHADAP PDP BAHASA ARAB

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terdapat dua perkara penting yang harus diberi perhatian iaitu pemilihan perkataan dan kaedah pengajaran. Guru yang kreatif dan berinovasi mampu mewujudkan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab disamping sikap positif pelajar terhadap bahasa Arab untuk mempermudah penguasaannya. Inovasi dalam PdP bahasa Arab perlulah ditingkatkan bagi memastikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang positif untuk menarik minat pelajar mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Ini dapat dilaksanakan dengan melakukan perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Halim (2003) berpendapat satu proses PdP itu akan menarik jika terdapat PdP interaktif di dalam bilik darjah yang boleh dibahagikan kepada beberapa suasana seperti:

- i. Interaktif antara guru dan pelajar

- ii. Interaktif antara guru dengan bahan pengajaran
- iii. Interaktif antara pelajar dengan pelajar

Tiga elemen ini membuktikan bahawa pendekatan dan cara pengajaran guru di dalam kelas mempunyai implikasi yang sangat besar keatas persepsi positif kepada proses pengajaran di dalam kelas.

Shukri (2012) telah menjalankan kajian ke atas Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan PdP bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut. Hasil kajian terhadap persepsi pelajar-pelajar mendapati para pelajar sangat menyedari kepentingan bahasa Arab dalam memahami ajaran agama Islam. Kajian juga mendapati guru-guru memberi dorongan yang tinggi dan sering memberi galakan kepada murid untuk mempelajari bahasa Arab. Ini jelas menunjukkan murid sangat berminat untuk mempelajari bahasa Arab dan disokong dengan hasil kajian yang mendapati murid-murid berasa tidak rugi malah berbangga kerana dapat mempelajari bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Halim et al. (2012) terhadap PdP bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati secara keseluruhannya persepsi pelajar dan guru adalah sangat positif berdasarkan skor minimum yang berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan para guru bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia mempunyai tanggapan yang sangat baik kepada proeses PdP. Antara amalan positif yang dalah termasuk memberikan galakan dan dorongan secara berterusan kepada pelajar mereka. Hal ini menunjukkan dorongan daripada guru akan dapat bertindak sebagai motivasi dan ini disokong dengan hasil kajian ini yang mendapati pelajar mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab. Amalan positif juga dapat dilihat terutamanya daripada persepsi pelajar menyatakan bahawa guru-guru sentiasa melakukan aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam buku bahasa Arab.

Kajian yang sama dijalankan oleh Muda (2012) untuk mengkaji persepsi PdP bahasa Arab khusus di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) terutama bagi sekolah-sekolah SABK kelas 3. SABK kelas 3 adalah sekolah agama yang tidak membuat pemilihan dalam pengambilan pelajar Tingkatan 1. Beberapa faktor dikenalpasti menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab yang lemah di kalangan pelajar. Antaranya ialah, sukatan pelajaran (BAT) yang sama digunakan kepada murid yang berlainan kelayakan. Pelajar yang tidak mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan didapati akan mengalami masalah untuk menguasai bahasa Arab. Selain itu juga, faktor lain adalah kekurangan guru bahasa Arab yang cekap dan terlatih dan buku teks yang disediakan terlalu tinggi dan tidak sesuai dengan kemampuan murid. Selain itu juga, kajian mendapati pelajar masih lemah dan tidak memanfaatkan penggunaan kamus dalam proses pembelajaran mereka

3. PERSEPSI PELAJAR NUSANTARA TERHADAP PDP BAHASA ARAB

Kajian telah dijalankan bagi mendapatkan data berkenaan dengan persepsi terhadap PdP Bahasa Arab di kalangan pelajar di Nusantara. Dapatan kajian sebagaimana jadual di bawah:

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	MIN
B1	Pengajaran bahasa Arab sesuai dengan kemampuan saya	1.6	3.0	14.1	50.9	30.5	4.06
B2	Pengajaran bahasa Arab dapat	1.0	4.1	16.1	41.3	37.5	4.10

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)
 3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)
 المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

	meningkatkan kemampuan saya menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian						
B3	Pengajaran bahasa Arab dapat menambahkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab saya	0.3	3.1	12.3	45.4	38.9	4.20
B4	Saya suka belajar bahasa Arab	1.0	2.3	10.4	40.8	45.6	4.28
B5	Saya berusaha untuk menguasai bahasa Arab	0.6	3.2	10.6	36.4		4.30
B6	Saya sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab	1.7	5.1	288	46.7	17.8	3.74
B7	Saya menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Arab	4.5	14.0	29.6	37.5	144	3.43
B8	Guru saya sentiasa memberi galakan untuk mempelajari bahasa Arab	2.7	3.7	10.4	38.9	44.3	4.18
B9	Guru saya memberi dorongan kepada semua pelajar untuk belajar bahasa Arab	0.8	2.3	9.6	32.7	54.6	4.38
B10	Kadangkala saya berasa kurang bersemangat untuk belajar bahasa Arab	10.6	16.8	26.7	30.9	15.1	3.23
B11	Saya berasa tertekan bila belajar bahasa Arab	23.3	22.1	27.9	19.9	7.8	2.69
B12	Peruntukan masa belajar bahasa Arab mencukupi	6.6	13.3	29.6	37.2	13.3	3.37
B13	Jumlah pelajar di dalam kelas bahasa Arab yang ramai mengganggu pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab	15.8	22.7	28.3	21.7	11.4	2.90
B14	Institusi memandang ringan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab	21.3	20.9	25.8	23.8	8.2	277
B15	Saya berminat terhadap mata pelajaran bahasa Arab	2.1	2.4	10.9	40.2	44.4	4.22
B16	Saya berminat untuk bertutur bahasa Arab	1.8	3.2	15.1	37.8	42.0	4.15
B17	Saya merasakan bahasa Arab adalah mata pelajaran yang sukar	13.5	17.2	25.2	29.9	13.8	3.13
B18	Saya berusaha untuk mengulangkaji pelajaran bahasa Arab	1.4	5.8	16.9	51.5	24.4	3.90
B19	Saya akan mencari alasan untuk tidak hadir ke kelas bahasa Arab	50.9	17.5	15.4	11.4	5.1	2.02
B20	Saya berasa seronok bila kelas bahasa Arab dibatalkan	38.2	18.1	22.8	15.1	5.8	2.30
B21	Saya memilih sendiri untuk mengambil mata pelajaran bahasa Arab	2.0	6.2	26.0	42.5	23.0	4.02
B22	Saya suka bertanya berkaitan mata pelajaran bahasa Arab	2.0	6.6	26.0	42.4	23.0	3.78

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)
 3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)
 المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

B23	Saya terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab	2.0	12.1	30.5	38.6	16.8	3.56
B24	Saya berasa bosan ketika pengajaran bahasa Arab	31.0	27.2	22.3	14.2	5.2	2.35
B25	Pembelajaran bahasa Arab mengganggu tumpuan saya terhadap mata pelajaran lain	41.6	23.8	19.6	10.2	4.8	2.13
B26	Saya mudah putus asa dalam pembelajaran bahasa Arab	31.5	22.1	23.7	15.5	7.2	2.45
B27	Saya belajar bahasa Arab sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja	38.8	24.1	18.6	12.7	5.8	2.23
B28	Saya mengetahui kepentingan bahasa Arab di peringkat global	2.7	7.9	22.0	38.2	29.2	3.83
B29	Saya tahu kepentingan bahasa Arab untuk memahami ajaran Islam	1.0	3.0	9.3	30.6	56.0	4.43
B30	Saya berasa bangga apabila mempelajari bahasa Arab	1.8	3.1	9.6	32.4	53.0	4.32
B31	Saya berasa mempelajari bahasa Arab merugikan masa saya	56.5	16.5	10.4	10.6	5.9	1.93
B32	Saya suka kelas tambahan/ganti bahasa Arab	4.2	9.7	23.8	37.9	24.3	3.68
B33	Saya berminat mempelajari Nahu dan Saraf	2.4	5.8	15.5	39.9	36.4	4.02
B34	Saya berminat mempelajari Balaghah	1.1	6.3	16.6	39.6	36.2	4.04
B35	Saya beruntung dapat mempelajari bahasa Arab	0.8	2.7	10.9	26.2	59.4	4.41

STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
KS	Kurang Setuju
S	Setuju
SS	Sangat Setuju

4. ANALISIS PERSEPSI MURID TERHADAP PDP BAHASA ARAB

Persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kelompok tertinggi

1	Saya tahu kepentingan bahasa Arab untuk memahami ajaran Islam	4.43
2	Saya beruntung dapat mempelajari bahasa Arab	4.41
3	Guru saya memberi dorongan kepada semua pelajar untuk belajar	4.38

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)
 3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)
 المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

	bahasa Arab	
4	Saya berasa bangga apabila mempelajari bahasa Arab	4.32
5	Saya berusaha untuk menguasai bahasa Arab	4.3
6	Saya suka belajar bahasa Arab	4.28
7	Saya berminat terhadap mata pelajaran bahasa Arab	4.22
8	Pengajaran bahasa Arab dapat menambahkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab saya	4.2
9	Guru saya sentiasa memberi galakan untuk mempelajari bahasa Arab	4.18
10	Saya berminat untuk bertutur bahasa Arab	4.15
11	Pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan kemampuan saya menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian	4.1
12	Pengajaran bahasa Arab sesuai dengan kemampuan saya	4.06
13	Saya berminat mempelajari Balaghah	4.04
14	Saya memilih sendiri untuk mengambil mata pelajaran bahasa Arab	4.02
15	Saya berminat mempelajari Nahu dan Saraf	4.02
16	Saya berusaha untuk mengulangkaji pelajaran bahasa Arab	3.9
17	Saya mengetahui kepentingan bahasa Arab di peringkat global	3.83
18	Saya suka bertanya berkaitan mata pelajaran bahasa Arab	3.78
19	Saya sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab	3.74
20	Saya suka kelas tambahan/ganti bahasa Arab	3.68

--	--	--

Persepsi murid terhadap pengajaran terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab **kelompok sederhana**

1	Saya terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab	3.56
2	Saya menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Arab	3.43
3	Peruntukan masa belajar bahasa Arab mencukupi	3.37
4	Kadangkala saya berasa kurang bersemangat untuk belajar bahasa Arab	3.23
5	Saya merasakan bahasa Arab adalah mata pelajaran yang sukar	3.13
6	Jumlah pelajar di dalam kelas bahasa Arab yang ramai mengganggu pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab	2.9

Persepsi murid terhadap pengajaran terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab **kelompok terendah**

1	Institusi memandang ringan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab	2.77
2	Saya berasa tertekan bila belajar bahasa Arab	2.69
3	Saya mudah putus asa dalam pembelajaran bahasa Arab	2.45
4	Saya berasa bosan ketika pengajaran bahasa Arab	2.35
5	Saya berasa seronok bila kelas bahasa Arab dibatalkan	2.33
6	Saya akan mencari alasan untuk tidak hadir ke kelas bahasa Arab	2.02
7	Saya berasa mempelajari bahasa Arab merugikan masa saya	1.93

5. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Arab berada pada tahap yang baik, iaitu 71% item

dari keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi manakala hanya 20% berada pada tahap yang rendah.

Walaupun min tahap rendah sekitar 20%, ia sangat positif berdasarkan kepada item-item soalan yang diajukan, antaranya: Saya mudah putus asa dalam pembelajaran bahasa Arab, Saya akan mencari alasan untuk tidak hadir ke kelas bahasa Arab, Saya berasa mempelajari bahasa Arab merugikan masa saya dan lain-lain.

Justeru, persepsi positif yang diperoleh daripada kajian menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang sangat baik terhadap pelaksanaan PdP Bahasa Arab. Justeru, persepsi yang positif ini perlu diterjemahkan dengan pelaksanaan yang baik yang boleh diterima oleh pelajar.

Makalah ini juga mencadangkan supaya item-item yang berada pada tahap sederhana diberikan perhatian dan penelitian yang sewajarnya dalam usaha menambahbaik pelaksanaan PdP Bahasa Arab.